



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN LITERASI IBU BAPA DENGAN PERKEMBANGAN BAHASA KANAK-KANAK TIGA TAHUN DI TASKA PUTRAJAYA.

NAJWA BINTI AHMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui pengaruh amalan literasi ibu bapa terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA di Putrajaya. Pendekatan kuantitatif menggunakan Kaedah Tinjauan telah dilaksanakan bagi kajian ini. Pemilihan sampel kajian kanak-kanak menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis yang melibatkan 100 orang kanak-kanak tiga tahun yang bersekolah di TASKA di Putrajaya. Pemilihan sampel kajian ibu bapa pula menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Borang Soal Selidik Ibu Bapa dan Borang Perkembangan Bahasa Kanak-kanak berpandukan borang senarai semak Bodrum (2013) telah digunakan dalam kajian ini. Data kajian dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan korelasi melalui program Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Dapatkan kajian mendapati bahawa 51% perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA berada di tahap tinggi. Dapatkan kajian mendapati bahawa pendidikan ($P = .000$) dan pendapatan ($P = .000$) ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA. Hanya tiga kriteria dalam amalan literasi ibu bapa yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA iaitu penggunaan media digital oleh kanak-kanak ($p < .000$), ibu bapa mengajar kanak-kanak belajar membaca ($p < .000$) dan akses kanak-kanak terhadap bahan literasi ($p < .003$). Kesimpulannya, perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA di Putrajaya dipengaruhi oleh peranan ibu bapa. Implikasi kajian ialah semua pihak perlu mempunyai kesedaran untuk melaksanakan rutin amalan literasi, penyediaan bahan literasi berkualiti dan kawalan terhadap penggunaan media digital dalam kalangan kanak-kanak supaya perkembangan bahasa kanak-kanak berkembang dengan baik.





PARENTS' LITERACY PRACTICES TOWARDS LANGUAGE DEVELOPMENT OF THREE YEARS OLD CHILDREN AT CHILDCARE CENTRE IN PUTRAJAYA

ABSTRACT

This study aims to determine the influence of parental literacy practice on the development of three-year children's language at childcare centre in Putrajaya. The quantitative approach using the survey methodology has been implemented for this study. The selection of the sample study using a randomized random sampling method involving 100 three-year-old children attending childcare centre in Putrajaya. The sample selection of parents was conducted using purposive sampling method. Parental Questionnaire Forms and Language Development Forms based on the Boddum (2013) checklist form have been used in this study. The data were analyzed by using descriptive analysis and correlation through the Statistical Package for Social Science (SPSS) program. The findings showed that 51% of children's three-year language development at TASKA is high. It also revealed that education ($P = .000$) and income ($P = .000$) have a significant relationship with language development of three-year old children. However, there are three criterias in parenting literacy practice that affected language development of three-year old childre which are, the use of digital media by children ($p < .000$), parents teach children to read ($p < .000$) and children access to literacy materials ($p < .003$). As conclusion, the development of three-year children's language at childcare centre in Putrajaya was influenced by parents' role. The implication of the study showed that all parties need to be aware of the implementation of literacy practice routines, provision of quality literacy materials and control over the use of digital media among children, to ensure the enhancement of language development of young children.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----



SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xv
----------------------	----

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	4
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	7
------------------------	---

1.4 Tujuan Kajian	12
-------------------	----

1.5 Objektif Kajian	12
---------------------	----

1.6 Soalan Kajian	13
-------------------	----





1.7 Hipotesis kajian	14
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.9 Batasan Kajian	19
1.10 Definisi Operasi	21
1.11 Kesimpulan	24

BAB 2 SOROTAN LITERATUR



2.1 Pendahuluan	25
2.2 Peranan Ibu Bapa	26
2.2.1 Pendidikan Ibu Bapa	28
2.4.2 Pendapatan Ibu Bapa	30
2.3 Amalan Literasi di Rumah	32
2.3.1 Ibu Bapa Membaca Buku Bersama Kanak-kanak	33
2.3.2 Ibu Bapa Mengajar Kanak-kanak Belajar Membaca	35
2.3.3 Akses Kanak-kanak Terhadap Bahan Literasi	38
2.3.4 Penggunaan Media Digital Oleh Kanak-kanak	40
2.3.5 Komunikasi Antara Ibu Bapa dengan Kanak-kanak	44
2.3.6 Ibu Bapa Sebagai Model Pembaca	46
2.4 Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun	47
2.5 Teori Ekologi Bronfenbrenner	52
2.5.1 Mikrosistem	55





2.5.2 Mesosistem	57
2.5.3 Kronosistem	60
2.6 Teori Sosiobudaya Vygotsky	62
2.7 Teori Tugas Pembangunan Robert Havighurst	65
2.8 Kesimpulan	68

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	69
-----------------	----

3.2 Reka Bentuk Kajian	70
------------------------	----

3.3 Populasi dan Persampelan	70
------------------------------	----



3.3.2 Ibu Bapa	72
----------------	----

3.4 Instrumen Kajian	73
----------------------	----

3.4.1 Isi Kandungan	73
---------------------	----

3.4.2 Kesahan	79
---------------	----

3.4.3 Kajian Rintis (Kebolehpercayaan)	78
--	----

3.5 Prosedur Perlaksanaan Kajian	80
----------------------------------	----

3.6 Etika Penyelidikan	82
------------------------	----





3.7 Prosedur Analisis Data	83
----------------------------	----

3.8 Kesimpulan	90
----------------	----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	91
-----------------	----

4.2 Dapatan Analisis Data	92
---------------------------	----

4.2.1 Soalan Kajian 1: Apakah tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	92
--	----

4.2.2 Soalan kajian 2: Apakah terdapat perbezaan antara tahap pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	93
---	----

4.2.3 Soalan Kajian 3: Apakah terdapat perbezaan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	94
---	----

4.2.4 Soalan Kajian 4: Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa membaca buku bersama kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	95
--	----

4.2.5 Soalan Kajian 5: Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa mengajar kanak-kanak belajar membaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	96
--	----

4.2.6 Soalan Kajian 6: Adakah terdapat hubungan antara akses kanak-kanak terhadap bahan literasi dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	97
--	----

4.2.7 Soalan Kajian 7: Adakah terdapat hubungan antara penggunaan media digital oleh kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	98
--	----

4.2.8 Soalan Kajian 8: Adakah terdapat hubungan antara komunikasi ibu bapa dan kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di	99
---	----





TASKA?

4.2.9 Soalan Kajian 9: Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa sebagai model pembaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	100
4.2.10 Soalan Kajian 10: Apakah amalan literasi di rumah yang paling berpengaruh terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?	101
4.3 Kesimpulan	105

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pendahuluan	106
-----------------	-----

5.2 Perbincangan	107
------------------	-----

5.3 Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Tiga Tahun di TASKA	107
--	-----



5.4 Pendidikan Ibu Bapa dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Tiga Tahun di TASKA	109
---	-----

5.5 Pendapatan Ibu Bapa dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Tiga Tahun di TASKA	111
---	-----

5.6 Aktiviti Ibu Bapa Membaca Buku Bersama Kanak-Kanak	112
--	-----

5.7 Aktiviti Ibu Bapa Mengajar Kanak-Kanak Belajar Membaca	113
--	-----

5.8 Akses Kanak-kanak Terhadap Bahan Literasi	115
---	-----

5.9 Aktiviti Penggunaan Media Digital Oleh Kanak-kanak	116
--	-----

5.10 Komunikasi Antara Ibu Bapa dan Kanak-kanak	119
---	-----

5.11 Ibu Bapa Sebagai Model Pembaca	121
-------------------------------------	-----

5.12 Amalan Literasi Ibu Bapa Yang Paling Berpengaruh Terhadap Perkembangan Bahasa Kanak-Kanak Tiga Tahun	122
--	-----





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xii

di TASKA**5.13 Implikasi Kajian** 126**5.14 Cadangan** 130**5.15 Kesimpulan** 133**RUJUKAN** 134**LAMPIRAN**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal Kanak-kanak Berdasarkan Komponen Bahasa	47
3.1 Analisis Instrumen Kajian	74
3.2 Kaedah Pengumpulan Data Kajian	82
3.3 Skala Tahap Perkembangan Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	84
3.4 Skala Tahap Pendidikan Ibu Bapa	84
3.5 Skala Tahap Pendapatan Ibu Bapa	85
3.6 Skala Tahap Ibu Bapa Membaca Buku Bersama Kanak-kanak	86
3.7 Skala Tahap Ibu Bapa Mengajar Kanak-kanak Membaca	86
3.8 Skala Tahap Akses Kanak-kanak Terhadap Bahan Literasi	87
3.9 Skala Tahap Penggunaan Media Digital Oleh Kanak-kanak	87
3.10 Skala Tahap Komunikasi Antara Ibu Bapa dengan Kanak-kanak	88
3.11 Skala Tahap Ibu Bapa Sebagai Model Pembaca	88
4.1 Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	92





4.2	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Pendidikan Ibu Bapa dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	93
4.3	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Pendapatan Ibu Bapa dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	94
4.4	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Ibu Bapa Membaca Buku Bersama Kanak-kanak dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	95
4.5	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Ibu Bapa Mengajar Kanak-kanak Menbaca dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	96
4.6	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Akses Kanak-kanak Terhadap Bahan Literasi dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	97
4.7	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Penggunaan Media Digital Oleh Kanak-kanak dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	98
4.8	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Komunikasi Antara Ibu Bapa dan Kanak-kanak dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	99
4.9	Skor Pekali Korelasi dan Sig (2) Tahap Ibu Bapa Sebagai Model Pembaca dengan Tahap Perkembangan Bahasa Kanak-kanak Tiga Tahun di TASKA	100





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1 Kerangka Teori Ekologi Bronfenbrenner	56
2.2 Kerangka Teori Sosiobudaya Vygotsky	64
3.1 Persampelan Kajian	72
3.2 Model Kajian	89



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Bab 1 akan menceritakan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, tujuan kajian dijalankan, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasi dalam kajian ini. Dalam bab 1 ini akan diceritakan juga mengenai kepentingan peranan ibu bapa terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak, definisi perkembangan bahasa kanak-kanak dan peranan penggunaan kurikulum PERMATA untuk meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak di TASKA.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Akta Kanak-kanak 2001 mengakui bahawa keluarga merupakan kumpulan asas dalam masyarakat yang menyediakan suasana semula jadi bagi pembesaran, penyaraan dan kebajikan semua anggotanya, khususnya kanak-kanak supaya mereka boleh membesar dalam suasana aman, bahagia, kasih sayang dan persefahaman untuk memperoleh keyakinan penuh, maruah dan nilai diri seorang manusia. Ibu bapa merupakan orang terpenting dalam kehidupan kanak-kanak. Mereka adalah rujukan utama kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu perkara di dunia ini.

Ibu bapa berperanan sebagai guru dan pengasuh kanak-kanak. Kanak-kanak akan meniru setiap tingkah laku dan tutur kata ibu bapa. Kanak-kanak akan belajar berbahasa melalui percakapan sehari-hari antara mereka dan ibu bapa (Brooks & Kempe, 2012). Oleh itu, ibu bapa perlu menjadi contoh tauladan yang baik kepada kanak-kanak. Antara peranan utama ibu bapa adalah memberikan pendidikan kepada kanak-kanak. Kanak-kanak akan dihantar ke pusat asuhan, TASKA, TADIKA dan prasekolah bagi mendapat pendidikan secara formal berdasarkan kurikulum yang telah ditetapkan.

Secara umumnya sekolah pertama kanak-kanak adalah di rumah. Ibu bapa adalah guru pertama kanak-kanak. Rumah yang mempunyai persekitaran pembelajaran (*home learning environment*) yang baik perlu ada sokongan keluarga dan rangsangan terhadap literasi dan numerasi kanak-kanak (Kluczniok, Lehrl, Kuger & Rossbach, 2013). Ibu bapa yang menjadikan rutin membaca buku bersama kanak-kanak bukan sahaja dapat menyokong perkembangan bahasa kanak-kanak tetapi meningkatkan tahap literasi ibu bapa sendiri (Wessels & Trainin, 2014). Oleh itu, ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam membantu kanak-kanak memperolehi perkembangan bahasa yang baik.





Selain itu, perkembangan bahasa kanak-kanak merujuk kepada kemahiran kanak-kanak untuk berkomunikasi. Perkembangan bahasa kanak-kanak boleh diperhatikan melalui bahasa ekspresif dan bahasa responsif mereka (Carey, 2013). Bahasa ekspresif merujuk kepada kata-kata yang diucapkan oleh kanak-kanak (contohnya menjawab soalan yang dikemukakan). Manakala, bahasa responsif merujuk kepada tindak balas dan tingkah laku kanak-kanak terhadap ransangan bahasa (contohnya arahan oleh ibu bapa) yang diberikan kepada kanak-kanak. Perkembangan bahasa kanak-kanak penting kerana ia menjadi sumber komunikasi antara ibu bapa dengan anak. Kegagalan kanak-kanak untuk bercakap dengan baik akan menyebabkan kegagalan komunikasi. Oleh itu, asas kepada pendidikan awal kanak-kanak adalah untuk mengembangkan kemahiran berbahasa kanak-kanak (Lawrence & Snow, 2012).



kanak-kanak iaitu ada kanak-kanak yang cepat, ada kanak-kanak yang lambat dan ada kanak-kanak yang mengikut tahap umurnya. Perkembangan bahasa yang mengikut tahap umur penting untuk kemahiran membaca nanti kerana perkataan yang dituturkan oleh kanak-kanak mempunyai mesej yang ingin disampaikannya. Kanak-kanak yang tidak mencapai tahap perkembangan bahasa yang sepatutnya pada usia tersebut berkemungkinan mempunyai masalah lain yang mengganggu proses perkembangan bahasa mereka (Law, Rush, & McBean, 2014).

Kesimpulannya, perkembangan bahasa dan literasi kanak-kanak dipengaruhi oleh faktor ibu bapa (Brooks & Kempe, 2012) dan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak menentukan kemahiran membaca dan komunikasinya kelak (Carey, 2013). Oleh





itu, pendidikan awal kanak-kanak dan jenis kurikulum yang digunakan bagi mendidik kanak-kanak penting untuk mempertingkatkan bahasa dan literasi kanak-kanak.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, kebanyakan kanak-kanak yang dalam proses mempelajari kemahiran berbahasa berada di TASKA dan TADIKA, iaitu tempat kanak-kanak belajar kemahiran asas seperti membaca, menulis, mengira dan menakul (4M) sebelum memasuki sekolah rendah. Jika kanak-kanak menghadapi masalah perkembangan bahasa, maka, mereka akan menghadapi masalah pembelajaran di sekolah nanti (Heath et al., 2014).



Kanak-kanak telah pun belajar secara tidak formal di rumah melalui ibu bapa mereka. Kanak-kanak memerhatikan tingkah laku dan bahasa yang digunakan oleh ibu bapa. Kanak-kanak akan meniru perbuatan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka. Kanak-kanak juga akan belajar berbahasa melalui percakapan sehari-hari antara mereka dan ibu bapa (Brooks & Kempe, 2012). Gaya keibubapaan untuk mendidik anak adalah sama di Malaysia walaupun masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Khazriyati dan Winskel (2016) mendapati bahawa ibu bapa di Malaysia mengamalkan gaya keibubapaan yang sama kerana tiada perbezaan yang signifikan antara gaya keibubapaan jenis autoritatif ataupun autoritarian antara tiga kaum utama (Melayu, Cina dan India). Tambahan lagi, ibu bapa dari ketiga-tiga kaum utama ini berkongsi jangkaan yang sama untuk perkembangan diri kanak-kanak. Mereka berkongsi jangkaan umur yang sama untuk kanak-kanak mula mempunyai kemahiran hidup, kawalan emosi dan berdikari.





Selain itu, peranan ibu bapa dalam mewujudkan amalan literasi ibu bapa itu sendiri menjadi menyumbang utama kepada perkembangan bahasa kanak-kanak yang lebih baik. Pelbagai kajian telah dijalankan berkenaan peranan ibu bapa untuk meningkatkan tahap literasi kanak-kanak. Hasil kajian (Kluczniok et al., 2013; Wessels & Trainin, 2014; Senechal & LeFevre, 2014) mendapati bahawa ibu bapa yang menyediakan persekitaran pembelajaran di rumah dapat meningkatkan tahap literasi (jumlah kosa kata yang banyak, kemahiran bertutur yang lancar) dan numerasi (matematik) kanak-kanak berbanding ibu bapa yang tidak menyediakan persekitaran pembelajaran di rumah.

Di samping itu juga, penting untuk ibu bapa mengetahui tahap perkembangan bahasa kanak-kanak sebelum mereka memasuki sekolah rendah supaya persediaan awal dapat dilakukan (Mad & Subramiam, 2011). Menurut Kennedy et al. (2012) terdapat perkaitan antara bahasa sehari-hari dan literasi kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempunyai bahasa sehari-hari yang baik (jumlah kosa kata yang banyak) akan mempunyai peluang lebih baik untuk menjadi pembaca mahir. Bahasa sehari-hari telah menjadi satu kemahiran asas untuk menentukan kejayaan membaca dan menulis pada masa depan khususnya bahasa sehari-hari sebagai alat untuk kanak-kanak belajar dan berlatih kemahiran membaca.

Menurut kurikulum PERMATA dalam bidang pembelajaran Perkembangan Bahasa, Komunikasi dan Literasi Awal bagi kanak-kanak bermatlamat memberi rangsangan bagi menggarap kemahiran mendengar dan menambah perbendaharaan kata, meningkatkan kemahiran bertutur, kemahiran bersoal jawab, kemahiran awal baca, kemahiran awal tulis, dan menanam minat suka membaca sebagai langkah awal ke arah





pembudayaan ilmu. Kesimpulannya, kurikulum PERMATA menekankan kepentingan perkembangan bahasa kanak-kanak.

Selepas itu, sekolah menjadi tempat kedua untuk kanak-kanak belajar bahasa. Kebanyakan TASKA menggunakan kurikulum PERMATA. Kurikulum PERMATA telah dirancang dengan mengambil kira semua aspek perkembangan dan fokus utamanya adalah kepada pembinaan kualiti individu kanak-kanak berumur kosong hingga empat tahun. Program PERMATA melibatkan penglibatan pendidik dan ibu bapa secara aktif di TASKA. Kurikulum PERMATA ini mempunyai enam bidang pembelajaran, iaitu 1) perkembangan sahsiah, sosio-emosi dan kerohanian, 2) perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal, 3) perkembangan deria dan pemahaman dunia persekitaran, 4) perkembangan fizikal dan urus diri, 5) perkembangan kreativiti dan estetika, 6)

perkembangan awal matematik dan pemikiran logik.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Kurikulum PERMATA menyediakan garis panduan kepada pendidik dan pengurus taska mengenai asuhan dan didikan awal kanak-kanak bagi meningkatkan kecemerlangan potensi kanak-kanak berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum ini mencakupi aspek kaedah berinteraksi dengan kanak-kanak, pengalaman pembelajaran yang maksimum, kaedah asuhan secara holistik, panduan merancang aktiviti untuk mentaksir perkembangan kanak-kanak, dan mengadakan kerjasama erat dengan ibu bapa serta ahli keluarga dan masyarakat.

Kepentingan ibu bapa sebagai agen utama dalam perkembangan kanak-kanak telah diakui sehingga kurikulum PERMATA mewajibkan penglibatan ibu bapa di peringkat awal kanak-kanak. Menurut sukanan kurikulum PERMATA ibu bapa





dikehendaki meluangkan masa untuk menyertai mesyuarat atau perjumpaan di TASKA serta memperuntukan masa selama satu jam seminggu atau empat jam sebulan untuk terlibat dengan aktiviti di TASKA. Penglibatan ibu bapa secara aktif akan membantu pembelajaran kanak-kanak di TASKA. Menurut Fatimah, Khaidzir dan Mustaffa (2015) menyatakan bahawa hubungan yang positif antara keluarga dan sekolah dapat meningkatkan prestasi dan kebolehupayaan pembelajaran kanak-kanak tersebut. Oleh itu, kerjasama antara pihak TASKA dan ibu bapa adalah penting untuk perkembangan kanak-kanak.

Kesimpulannya, kurikulum berfungsi untuk mendidik dan mempertingkat kemahiran komunikasi dan literasi awal kanak-kanak di sekolah. Manakala, ibu bapa berperanan dalam meningkatkan perkembangan bahasa kanak-kanak di rumah dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kaya bahasa dan amalan literasi oleh ibu bapa secara berterusan.

1.3 Pernyataan Masalah

Amalan literasi ibu bapa di Malaysia masih lagi samar-samar kerana tidak ada satu rutin yang menunjukkan keadaan ibu bapa membudayakan amalan membaca buku. Menurut Shaharom dan Saiful (2011) menyatakan bahawa rakyat Malaysia tiada budaya membaca. Hal ini menunjukkan betapa rendahnya amalan literasi rakyat Malaysia. Perkara ini boleh dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak. Penyelidik ingin





mengetahui jika terdapat hubungan antara amalan literasi ibu bapa dengan perkembangan bahasa kanak-kanak.

Banyak kajian terdahulu menyatakan bahawa faktor sosioekonomi ibu bapa seperti pendidikan dan pendapatan mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak. Semakin tinggi pendapatan yang diperolehi ibu bapa, semakin tinggi tahap perkembangan bahasa kanak-kanak (Buckingham, Beaman & Wheldall, 2014). Namun begitu, keadaannya berbeza di Malaysia kerana ada ibu bapa yang berpendapatan tinggi tetapi mempunyai kanak-kanak yang menghadapi masalah lambat perkembangan bahasanya. Selain itu, ada juga ibu bapa yang berpendapatan rendah tetapi tahap perkembangan bahasa anaknya tinggi. Hal sebegini menyebabkan timbul persoalan bahawa adakah faktor sosioekonomi mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak

di Malaysia. Jika benar, maka, sejauh mana sebenarnya pengaruh faktor sosioekonomi dalam perkembangan bahasa kanak-kanak. Selain itu, adakah terdapat faktor-faktor lain yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak selain faktor sosioekonomi sahaja.

Amalan literasi penting kerana ia menyumbang kepada kemahiran berkomunikasi yang baik. Komunikasi yang berkesan terjadi apabila mesej yang dinyatakan sampai kepada pendengar tersebut. Bahasa yang digunakan semasa berkomunikasi sangat penting kerana ia menjadi alat untuk menyampaikan mesej tersebut. Kanak-kanak mula mempelajari bahasa dari rumah mereka lagi melalui pemerhatian terhadap tingkah laku dan bahasa yang digunakan oleh ibu bapa. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membantu kanak-kanak mencapai perkembangan bahasa yang baik.





Kanak-kanak yang menghadapi masalah perkembangan bahasa akan mempunyai masalah komunikasi. Masalah komunikasi terjadi apabila kanak-kanak tidak memahami arahan yang diberikan atau tidak mengetahui makna perkataan tertentu yang dituturkan oleh guru tersebut. Kanak-kanak juga berkemungkinan untuk menjadi gagap. Menurut Reilly, McKeon, Morgan dan Wake (2015) menyatakan bahawa antara masalah umum bahasa adalah kecacatan bahasa (*language impairment*), kecacatan bercakap (*speech impairment*) dan gagap (*stuttering*). Hal sebegini akan menyebabkan kanak-kanak tidak dapat bertindak balas bertepatan dengan arahan yang diberikan. Contohnya guru meminta kanak-kanak untuk menyusun kasut di rak, namun, kanak-kanak tidak memahami maksud rak dan tidak dapat menyusun kasut tersebut.

Selain itu, masalah komunikasi ini mengakibatkan kanak-kanak mempunyai masalah dalam pembelajaran nanti. Masalah jangka pendeknya adalah kanak-kanak akan menghadapi kesukaran untuk belajar membaca dan memahami mata pelajaran yang diajar oleh guru. Kanak-kanak yang menghadapi masalah tidak memahami atau kurang kefahaman terhadap makna perkataan atau ayat yang digunakan oleh guru akan hilang tumpuan dan fokus ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Mereka akan terlibat dengan masalah disiplin dan tingkah laku bermasalah ketika di dalam kelas. Hal ini terjadi kerana apabila kanak-kanak hilang tumpuan terhadap pelajaran yang diajar akan mengganggu rakan sekelasnya (Law, Rush, & McBean, 2014).

Masalah jangka panjang pula adalah kanak-kanak yang gagal menguasai bahasa dengan baik menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran dan gagal dalam persekolahan. Di Malaysia, sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan memerlukan kanak-kanak yang memasuki alam persekolahan sudah dilengkapi dengan





kemahiran 4M (membaca, menulis, mengira dan menakul). Jika kanak-kanak gagal menguasai kemahiran 4M ini, mereka akan dimasukkan ke dalam kelas pemulihan seperti LINUS. Kanak-kanak yang di hantar ke kelas pemulihan ketinggalan dalam pembelajaran berbanding rakan sekelasnya yang lain (Heath et al., 2014). Kennedy et al. (2012) menyokong pengajaran bahasa sehari-hari membantu kefahaman membaca dari peringkat prasekolah lagi supaya kanak-kanak dapat merapatkan jurang antara aras membaca teks dengan teks yang lebih rumit di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti nanti.

Kurikulum PERMATA melalui bidang pembelajaran perkembangan bahasa, komunikasi dan literasi awal menyediakan maklumat berkaitan perkembangan bahasa kanak-kanak berusia kosong hingga empat tahun. Perkembangan bahasa kanak-kanak dinyatakan secara berperingkat mengikut umur kanak-kanak tetapi tidak ada kajian



05 terkini mengenai tahap perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia sekarang.

Tambahan lagi, tahap perkembangan bahasa yang menjadi panduan di Malaysia berbeza dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak yang digunakan di negara lain. Penyelidik ingin mengetahui adakah tahap perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia setaraf dengan tahap standard perkembangan bahasa kanak-kanak sedunia.

Tambahan lagi, maklumat berkenaan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia masih lagi kurang. Walaupun banyak kajian (Hill, 2016; Brooks & Kempe, 2014; Gain, 2014; Heath et al., 2014; Oomen, 2014; Kremar, 2014; Carey, 2013; Faitar, 2011; Hoff, 2003; Hart & Risley, 1995) berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak yang dijalankan oleh para penyelidik luar negara, namun, tidak semua hasil kajiannya dapat dijadikan rujukan kerana perbezaan dari segi demografi, sosiobudaya dan sosioekonomi antara





Malaysia dan luar negara. Melalui kajian ini, penyelidik dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang ke arah perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia.

Selain itu, kajian berkenaan amalan literasi ibu bapa masih lagi kurang oleh para penyelidik di Malaysia. Tidak banyak maklumat yang boleh didapati mengenai peranan ibu bapa dalam meningkatkan perkembangan literasi dan bahasa kanak-kanak. Tambahan lagi, kajian yang ada pun sudah lama tempoh masanya. Contohnya kajian oleh Zainiah (2005) mengenai peranan ibu bapa dan guru dalam mempertingkatkan tahap bacaan kanak-kanak. Selepas itu, tiada kajian lanjut oleh para penyelidik lain. Tempoh jarak kajian terdahulu dan yang dilakukan oleh penyelidik adalah 12 tahun. Ia merupakan satu jarak masa yang panjang. Sepatutnya dalam tempoh ini pelbagai kajian berkenaan peranan ibu bapa dalam meningkatkan tahap literasi kanak-kanak telah banyak dilakukan.



Di samping itu juga, kajian-kajian terdahulu mengenai amalan literasi di Malaysia tidak menekankan tentang penggunaan media digital sebagai alat bantu belajar bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Tambahan lagi, tiada kajian khusus yang ditemui mengenai kesan penggunaan media digital seperti telefon pintar terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia sedangkan penggunaan media digital telah meluas dalam kalangan rakyat Malaysia. Majoriti rakyat Malaysia termasuklah kanak-kanak yang belajar di TASKA mempunyai akses kepada telefon pintar dan internet. Oleh itu, satu kajian yang mengkaji faktor media digital sebagai pengaruh perkembangan bahasa kanak-kanak perlu dikaji.

Setakat ini tiada kajian yang telah dijalankan untuk mengenal pasti tahap amalan literasi ibu bapa dan pengaruhnya terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak TASKA





di Malaysia. Oleh kerana pentingnya amalan literasi ibu bapa, penyelidik ingin mengkaji sejauh manakah amalan literasi ibu bapa dan kriteria penentu amalan literasi ibu bapa ini.

1.4 Tujuan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah berikut, penyelidik merasa terpanggil untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak di Malaysia. Penyelidik ingin mengetahui sejauh mana pengamalan literasi yang dilakukan oleh ibu bapa dan pengaruhnya terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.



1.5 Objektif Kajian

- i. Untuk mengetahui tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.
- ii. Untuk melihat hubungan antara tahap pendidikan dan pendapatan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.
- iii. Untuk melihat hubungan antara amalan literasi di rumah dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.





1.6 Soalan Kajian

- i. Apakah tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- ii. Adakah terdapat perbezaan antara pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- iii. Adakah terdapat perbezaan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa membaca buku bersama kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- v. Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa mengajar kanak-kanak belajar membaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara akses kanak-kanak terhadap bahan literasi dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- vii. Adakah terdapat hubungan antara penggunaan media digital dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- viii. Adakah terdapat hubungan antara komunikasi ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- ix. Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa sebagai model pembaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?
- x. Apakah amalan literasi di rumah yang paling berpengaruh terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?





1.7 Hipotesis Kajian

Soalan kajian 2: Adakah terdapat perbezaan antara pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat perbezaan antara pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat perbezaan antara pendidikan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.

Soalan kajian 3: Adakah terdapat perbezaan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat perbezaan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat perbezaan antara pendapatan ibu bapa dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.

Soalan kajian 4: Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa membaca buku bersama kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat hubungan antara ibu bapa membaca buku bersama kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat hubungan antara ibu bapa membaca buku bersama kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA

(Bersambung)





Soalan kajian 5: Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa mengajar kanak-kanak belajar membaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat hubungan antara ibu bapa mengajar kanak-kanak belajar membaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat hubungan antara ibu bapa mengajar kanak-kanak belajar membaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.

Soalan kajian 6: Adakah terdapat hubungan antara akses kanak-kanak terhadap bahan literasi dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat hubungan antara akses kanak-kanak terhadap bahan literasi dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat hubungan antara akses kanak-kanak terhadap bahan literasi dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.

Soalan kajian 7. Adakah terdapat hubungan antara penggunaan media digital oleh kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat hubungan antara penggunaan media digital oleh kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat hubungan antara penggunaan media digital oleh kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.

(Bersambung)



**Soalan kajian 8: Adakah terdapat hubungan antara komunikasi ibu bapa dan kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?**

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat hubungan antara komunikasi ibu bapa dan kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat hubungan antara komunikasi ibu bapa dan kanak-kanak dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.

Soalan kajian 9: Adakah terdapat hubungan antara ibu bapa sebagai model pembaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA?

Hipotesis Nul	Hipotesis Penyelidikan
Tidak terdapat hubungan antara ibu bapa sebagai model pembaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.	Terdapat hubungan antara ibu bapa sebagai model pembaca dengan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA.



1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dilakukan kerana ia akan memberikan maklumat berkenaan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun yang bersekolah di TASKA. Dengan adanya senarai semak perkembangan bahasa kanak-kanak, penyelidik dapat mengetahui tahap perkembangan bahasa kanak-kanak. Maklumat berkenaan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak yang terhad dan kurang akan menyukarkan tugas penyelidik untuk mengenal pasti tahap masalah kanak-kanak dalam perkembangan bahasanya. Tambahan lagi, penyelidik dapat mengenal pasti kanak-kanak yang berisiko untuk menghadapi





masalah dalam pembelajaran nanti berdasarkan hasil keputusan senarai semak perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut.

Maklumat yang diperolehi melalui senarai semak ini akan membantu para ibu bapa, guru dan pengasuh untuk mengetahui tahap perkembangan bahasa kanak-kanak di bawah jagaan mereka. Ibu bapa boleh menggunakan borang senarai semak perkembangan bahasa untuk menentukan sejauh mana tahap perkembangan literasi dan bahasa yang telah dicapai oleh anak mereka. Jika kanak-kanak menghadapi masalah perkembangan bahasa, maka, ibu bapa boleh merujuk kanak-kanak kepada doktor dan pakar kanak-kanak untuk mendapatkan rawatan. Kanak-kanak yang menghadapi masalah perkembangan bahasa dapat dikenal pasti dan tindakan untuk membantu kanak-kanak tersebut dapat dirancang dan dilaksanakan. Program intervensi dan rawatan awal dapat membantu kanak-kanak agar mencapai tahap perkembangan bahasa yang sepadan dengan tahap umur mereka.

Selain itu, maklumat yang diperolehi melalui borang soal selidik ibu bapa dapat memberi gambaran ringkas ibu bapa di Malaysia berkenaan amalan literasi mereka terhadap kanak-kanak. Maklumat yang diberikan oleh ibu bapa dapat dijadikan rujukan tahap amalan literasi yang diberikan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai bahan rujukan untuk merancang pelan pembangunan pendidikan negara yang lebih baik. Mungkin pada suatu masa nanti kurikulum, model atau pelan pendidikan awal kanak-kanak baru yang lebih menekankan amalan literasi ibu bapa akan digubal seperti program *Head Start* dan *Just Take 20: Family Literacy Model*.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

18

Kesimpulannya, kajian ini penting untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap perkembangan bahasa kanak-kanak tiga tahun di TASKA, faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak tersebut dan kriteria-kriteria amalan literasi ibu bapa dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2030 Malaysia yang menginginkan agar pembudayaan pembelajaran di rumah dilakukan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



AMALAN LITERASI IBU BAPA

KESAN TERHADAP PERKEMBANGAN BAHASA KANAK-KANAK

CONTOH AMALAN LITERASI

kanak-kanak mudah belajar membaca

tahap literasi lebih tinggi

kanak-kanak faham maksud ayat

komunikasi dua hala berjaya

Membaca buku bersama kanak-kanak

Mengajar kanak-kanak belajar membaca

Akses kanak-kanak terhadap bahan literasi

Penggunaan media digital oleh kanak-kanak

Komunikasi antara ibu bapa dengan kanak-kanak

Ibu bapa sebagai model pembaca

Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian





1.9 Batasan kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada kanak-kanak tiga tahun di TASKA yang berada di kawasan Putrajaya sahaja. Hasil kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada semua kanak-kanak TASKA di Malaysia kerana penyelidik tidak menggunakan kanak-kanak yang belajar di TASKA luar bandar sebagai populasi kajian.

Selain itu, masalah mendapatkan jumlah sampel kanak-kanak berusia tiga tahun seramai 100 orang. Hal ini kerana tiada TASKA yang mempunyai jumlah kanak-kanak berusia tiga tahun dalam jumlah yang ramai. Oleh itu, penyelidik terpaksa menghubungi beberapa buah TASKA yang berlainan bagi mendapatkan kebenaran untuk menjalankan penyelidikan. Terdapat masalah untuk mendapatkan kerjasama dari pihak TASKA. Ada sesetengah TASKA yang hanya membenarkan penglibatan guru dan kanak-kanak tetapi tidak mengizinkan penglibatan ibu bapa kanak-kanak tersebut. Selain itu juga, ada TASKA yang meminta supaya soalan-soalan dalam borang soal selidik ibu bapa diubah kembali kerana dirasakan tidak sesuai dengan kehendak mereka. Oleh itu, etika ketika menjalankan kajian perlu dipraktikkan agar data kajian yang diperolehi benar dan tepat.

Di samping itu juga, ada masalah untuk mendapatkan kerjasama ibu bapa untuk menjalankan kajian. Sesetengah ibu bapa tidak mahu mendedahkan berkenaan hal anak dan keadaan sebenar mereka ketika di rumah. Tambahan lagi, ada risiko untuk ibu bapa menjawab soalan kajian dengan tidak benar dan ada juga ibu bapa yang tidak memulangkan borang soal selidik yang diedarkan sehingga menjelaskan pengumpulan data kajian. Creswell (2008) menyatakan bahawa menjalankan kajian menggunakan





manusia sebagai sampel kajian adalah sukar kerana ia berubah mengikut situasi berlainan.

1.10 Definisi Operasi

Perkembangan Bahasa

Perkembangan bahasa boleh dikonsepkan sebagai kemahiran berkomunikasi kanak-kanak. Bahasa dibahagikan kepada dua iaitu bahasa ekspresif (percakapan yang dihasilkan untuk menyatakan kehendak diri) dan bahasa responsif (tindak balas terhadap sesuatu perkara sama ada menggunakan bahasa lisan ataupun gerak tubuh). Komponen bahasa terdiri daripada fonologi, semantik, sintaksis, morfologi dan pragmatik. Dalam kajian ini, perkembangan bahasa kanak-kanak merujuk kepada kemahiran berkomunikasi dan tindak balas kanak-kanak terhadap ransangan-ransangan yang diberikan.

Kanak-kanak

Menurut Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah 18 tahun. Dalam kajian ini, kanak-kanak yang telah mencapai usia tiga tahun iaitu kanak-kanak yang dilahirkan pada tahun 2015 dipilih sebagai sampel kajian. Mereka berada di kelas tiga tahun di TASKA.





Ibu Bapa

Menurut jurnal *Literacy in Early Childhood and Primary Education (3-8 years)*, ibu bapa merujuk kepada orang yang menjaga kanak-kanak sejak dari kecil lagi dan kanak-kanak tinggal bersama-sama mereka. Ibu bapa adalah penjaga utama dan bertanggungjawab terhadap kebajikan kanak-kanak (Miller, Farkas, Vandell & Duncan, 2014).

Dalam Akta Kanak-kanak (pindaan) 2016, ibu bapa merujuk kepada anggota rumah (kemudiannya dipinda dengan perkataan saudara) bererti seseorang yang lazimnya tinggal serumah dengan seorang kanak-kanak. Dalam kajian ini, istilah ibu bapa merujuk kepada ibu bapa kandung kanak-kanak atau penjaga yang tinggal dengan kanak-kanak yang menjadi sampel kajian.



Pendidikan Ibu Bapa

Tahap pendidikan ibu bapa dikaji kerana ianya mewakili status sosioekonomi mereka (Gain, 2014). Dalam kajian ini, tahap pendidikan ibu bapa dibahagikan kepada tiga kategori iaitu;

- i. Kategori rendah: mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) @ setaraf dengannya.
- ii. Kategori sederhana: mempunyai Sijil Diploma @ setaraf dengannya.
- iii. Kategori tinggi: mempunyai Ijazah, Sarjana, Doktor Falsafah (PhD) @ yang setaraf dengannya.

Penentuan tiga kategori ini adalah berdasarkan standard akademik untuk lantikan penjawat awam oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) 2017.





Pendapatan Ibu Bapa

Dalam kajian ini, jumlah hasil pendapatan ibu bapa dikaji kerana ianya mewakili status sosioekonomi mereka juga (Heath et al., 2014; Miller et al., 2014). Pendapatan ibu bapa akan dibahagikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi.

Menurut Indeks Jadual Gaji Minimum-Maksimum Perkhidmatan Awam Malaysia (2016):

- i. Pendapatan rendah: RM0 – RM3,000
- ii. Pendapatan sederhana: RM3,001 – RM5,000
- iii. Pendapatan tinggi: RM5,001 – RM10,000

Amalan Literasi Ibu Bapa



Amalan literasi di rumah merujuk kepada aktiviti literasi kanak-kanak dengan ibu bapa ataupun aktiviti yang dilakukan oleh ibu bapa untuk perkembangan bahasa kanak-kanak.

Menurut Tichnor-Wagner, Garwood, Bratsch-Hines & Vernon-Faegans (2015) aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan amalan literasi ibu bapa adalah;

- i. Ibu bapa membaca buku bersama kanak-kanak
- ii. Ibu bapa mengajar kanak-kanak belajar membaca
- iii. Akses kanak-kanak terhadap bahan literasi
- iv. Penggunaan media digital oleh kanak-kanak
- v. Komunikasi antara ibu bapa dan kanak-kanak
- vi. Ibu bapa sebagai model pembaca





Dalam kajian ini, aktiviti-aktiviti ini digunakan sebagai kriteria untuk amalan literasi ibu bapa kerana banyak hasil kajian telah menunjukkan pengaruh aktiviti-aktiviti ini terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak.

Media Digital

Menurut Marsh (2005) media digital merujuk kepada impak teknologi digital ini terhadap penghasilan dan penggunaannya. Tambahan lagi, media baru merujuk kepada pelbagai jenis teknologi dan media komunikasi yang sedang berkembang maju. Kremar (2014) mentakrifkan media sebagai alat yang mempengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak. Dalam kajian ini, jenis media digital yang dimaksudkan adalah televisyen dan telefon pintar.



1.11 Kesimpulan

Bahasa berkembang sejak dari awal usia lagi dan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan bahasa kanak-kanak agar ia selari dengan peningkatan umur kanak-kanak. Kanak-kanak yang mempunyai masalah perkembangan bahasa dikaitkan dengan masalah komunikasi dan tingkah laku. Ibu bapa perlu membantu kanak-kanak mencapai tahap perkembangan bahasa yang baik melalui amalan literasi di rumah kerana amalan literasi yang efektif mampu meningkatkan tahap perkembangan bahasa dan literasi kanak-kanak. Oleh itu, kajian ini menfokuskan kepada peranan ibu bapa dan pengamalan literasi ibu bapa terhadap perkembangan bahasa kanak-kanak.

